



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	28/9/2019	MUKA SURAT	: 69
JABATAN	:	KATS / PBAPP		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Media diminta lapor lebih banyak berita air

**Georgetown:** Kerajaan Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mahu pihak media melaporkan lebih banyak berita berkaitan air.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ahmad Zakryuddin Abdul Rahman, berkata laporan berita berkaitan air seperti di Ulu Muda dan Sungai Muda antara Januari 2018 dan Ogos 2019, membantu menghasilkan keputusan yang positif.

Katanya, kerajaan negeri dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sudah mengumumkan larangan pembalakan di Ulu Muda bagi memulihara kawasan tadahan selepas beberapa berita dan gambar berhubung pembalakan harau di kawasan itu dilaporkan sejak September tahun lalu.

"Pada Julai tahun ini, laporan berita yang mendedahkan pembuangan sisa harau di Sidam Kiri, Kedah, juga mengelak ancaman pencemaran air bekalan air di Pulau Pinang," katanya ketika berucap pada malam penghargaan media PBAPP malam kelmarin.

Yang hadir sama, Pengerusi Kumpulan Media Prima Bhd, Datuk Syed Hussian Syed Junid dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP,



**Ahmad Zakryuddin bersama Syed Hussian dan Jaseni** pada malam penghargaan media PBAPP di Georgetown, malam kelmarin. (Foto Ihsan PBAPP)

Datuk Jaseni Maidinsa, Zakryuddin bersama-sama Jaseni kemudian menyampaikan *Outstanding Water News Awards*

untuk tujuh syarikat penerbitan berita bagi laporan berita dan gambar yang diterbitkan. Setiap syarikat media berkenaan menerima RM1,000 yang ke-mudiannya akan disumbangkan kepada pertubuhan amal pilihan mereka. **BERNAMA**